



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama	Profil Kementerian ▼	Piagam Pelanggan
-----------------------	--------------------------------------	----------------------------------

[Hubungi Kami](#) ▼

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Sinar Harian - Peniaga Patuhi Kadar SST](#)

Sinar Harian - Peniaga Patuhi Kadar SST

🕒 Rabu, Okt 10 2018



Peniaga patuhi kadar SST

Sejumlah 75 premis makanan di sekitar Batang Kali dan Rawang diperiksa

MOHD RIDZUAN
ABU HASSAN

54 10/10/18

HULU SELANGOR

Sejumlah 75 premis makanan di sekitar Batang Kali dan Rawang diperiksa dalam operasi pemeriksaan harga yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP

Daerah Hulu Selangor, Ahmad Zamri Che Long berkata, pemeriksaan dilakukan selama tiga hari bersempena pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang berkuatkuasa 1 September lalu.

Menurutnya, kebanyakan premis makanan yang diperiksa mengekalkan harga lama dan terdapat enam peratus SST seperti ditetapkan Kementerian.

"Pemeriksaan mendapati tiada premis yang menaikkan harga makanan dan kadar SST dipatuhi pemilik pemiagaan tersebut dan tiada notis amaran dikeluarkan.

"Hanya melibatkan premis makanan dan selepas ini akan disusuli pemeriksaan ke atas premis lain bagi memastikan tiada peniaga yang sengaja menaikkan



Ahmad Zamri (tengah) dan Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Daerah Hulu Selangor melakukan pemeriksaan harga di sebuah pasar raya.

harga jualan.

"Pemeriksaan, pementauan dan penguatkuasaan dijalankan dengan memberi tumpuan kepada tindakan

ketidapatuhan ke atas undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian," katanya.

Ahmad Zamri berkata,

penandaan harga, petunjuk atau gambaran mengelirukan mengenai harga serta pengeluaran resit adalah antara perbuatan mencatut di

info

Pemeriksaan selama tiga hari bersempena pelaksanaan SST yang berkuatkuasa 1 September lalu

bawah Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Menurutnya, pengguna boleh membuat aduan dan pertanyaan melalui talian bebas tol 1-800-886-800 selain melalui saluran lain di media sosial.

"Aduan mestilah jelas seperti butiran nama, alamat tempat yang diadu, butiran barangan dan harga serta resit pembelian untuk memudahkan kita membuat siasatan," katanya.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

